

Ulasan Buku/*Book Review*

Islam di Malaysia Pasca Kemerdekaan. Disunting oleh Kamarudin Salleh, Mazlan Ibrahim dan Indriaty Ismail. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, 2007. 281 halaman. Ulasan oleh Ibrahim Abu Bakar.

Buku ini memuatkan 23 tajuk yang menjadi tajuk kepada 23 bab dalam buku ini. Tajuk pertama dalam buku ini ditulis oleh Abdul Manam Mohanad al-Marbawi dan tajuk tulisannya adalah “Pendidikan Sufi di Malaysia Selepas Merdeka: Satu Tinjauan Terhadap Perlaksanaannya dalam Tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyah dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat”, meliputi halaman 1-13. Tarekat Qadiriyah dan Naqsyabandiah dikembangkan di Malaysia bertujuan memperkuatkan tauhid dan takwa umat Islam melalui beberapa amalan sufi yang terdapat dalam kedua-dua tarekat berkenaan seperti sembahyang malam, berzikir, beristighfar, bertaubat dan berinabah.

Tajuk kedua ditulis oleh Ahmad Nawawi Yaakob dengan judul “Mengisi Kemerdekaan dalam Pendidikan: Tuan Guru Haji Ahmad (Pak Teh) Tokoh Ulama Semasa di Kedah”, meliputi halaman 14-30. Tokoh ini belajar di beberapa buah pondok sebelum menyambung pelajarannya di Mekah seperti di Pondok Merbuk (1938-1941), Pondok Mogoi (1941-1946), Pondok Gajah Mati (1946-1950) dan kemudian ke Mekah (1950-1960). Selepas pulang dari Mekah tokoh ini membuka pondok sendiri bernama Pondok Padang Nyior pada tahun 1961 dan kemudian membuka sekolah menengah aliran agama yang dinamakan Sekolah Menengah Agama Ahmadiyah pada tahun 1968. Sekolah ini mendapat bantuan daripada Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) mulai 1975. Haji Ahmad adalah tokoh dalam bidang pendidikan agama Islam melalui sistem sekolah pondok dan sistem sekolah menengah agama yang diasaskan oleh beliau di Kedah.

Tajuk ketiga ditulis oleh tiga penulis iaitu Ahmad Sharifuddin Mustapha, Nik Kamal Wan Muhammed dan Shah Rul Anuar Nordin dan tajuk tulisan mereka adalah “Kajian Amalan Beragama di Kalangan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia”, meliputi halaman 31-45. Kajian ini mempunyai dua objektif sahaja iaitu: “Mengenal pasti amalan beragama di kalangan pelajar UTHM” dan “Mendapatkan cadangan pelajar untuk meningkatkan amalan beragama di UTHM” (h. 33). Sampel kajian ini hanya 133 pelajar

d1 universiti berkenaan. Di antara dapatan kajian ini dalam melakukan sembahyang fardu adalah sebanyak 45.8% pelajar menyatakan mereka tidak pernah meninggalkan solat fardu, 49.6% pernah meninggalkannya dan 4.5% menyatakan tidak pernah melakukan solat fardu (h. 36). Mengenai amalan berpuasa pada bulan Ramadan, sejumlah 72.9% pelajar menyatakan mereka berpuasa pada bulan Ramadan, 24.1% menyatakan mereka pernah tidak berpuasa pada bulan Ramadan, dan 3.0% menyatakan mereka selalu tidak berpuasa pada bulan Ramadan (h. 38).

Tajuk keempat ditulis oleh dua penulis iaitu Badlihisham Mohd Nasir dan Mazlan Ibrahim, dan tajuk mereka adalah “Gerakan Islam dan Perjuangan Kemerdekaan di Malaysia: Satu Sorotan Ringkas”, meliputi halaman 46-56. Dua penulis ini memberikan istilah gerakan Islam dalam bahasa Inggeris dan Arab iaitu *Islamic movement* dan *al-harakat al-islamiyyah* dan gerakan Islam adalah gerakan yang “mendukung cita-cita Islam seperti pembentukan peribadi, menegakkan pemerintahan, menyatukan barisan dan mengembalikan kedudukan pemerintah (Khilafah) dengan mempunyai rancangan dan rangka kerja yang lengkap” (h. 47). Gerakan Islam menuntut kemerdekaan daripada penjajah di negara-negara majoriti Muslim termasuk di Tanah Melayu yang mendapat kemerdekaan daripada penjajah Inggeris pada tahun 1957, dan kemudian pembentukan Malaysia (1963).

Tajuk kelima ditulis oleh dua penulis iaitu Fariza Md Sham dan Othman Talib dan tajuk tulisan mereka adalah “Remaja Pasca Kemerdekaan: Program Pengukuhan Sahsiah”, meliputi halaman 57-67. Mereka berdua membentangkan beberapa masalah remaja seperti penagihan dadah dan program yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) di Daerah Hulu Langat seperti program dakwah remaja yang meliputi ceramah agama, khemah ibadat, motivasi solat, kemahiran keibubapaan, muhasabah diri, perkhemahanan remaja dan lainnya.

Tajuk keenam ditulis oleh Faudzinaim Hj. Badaruddin dan tajuknya “Isu-isu Ajaran Sesat Sepanjang 50 Tahun Pasca Kemerdekaan”, meliputi halaman 68-76. Tulisan ini menyatakan dan menyenaraikan jumlah ajaran sesat yang disenaraikan oleh Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 1997 sebanyak 60 ajaran sesat dan pada tahun 1999 sebanyak 98 ajaran sesat di Malaysia (h. 69). Kebanyakan ajaran sesat di Malaysia ini dinamakan mengikut nama para pengasasnya

seperti Ajaran Mohd Nordin Putih, Ajaran Roslan Katimun, Ajaran Khatijah Binti Ali@Puan Tijah, Ajaran Syed Mutalib bin Syed Mohd Nordin, Ajaran Mohd Seman al-Banjari dan Ajaran Azhar Wahab.

Tajuk ketujuh adalah “Zakat Sebagai Motivasi Pembangunan Ekonomi Umat Islam”, meliputi halaman 77-95. Tajuk ini ditulis oleh Fuadah Johari dan Patmawati Hj Ibrahim. Mereka berdua membentangkan hasil kajian terhadap 20 responden di Daerah Alor Gajah, Melaka yang fakir dan miskin dan mendapat bantuan zakat daripada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Tulisan ini mendapati bahawa dengan bantuan zakat yang mereka terima daripada MAIM sebahagian mereka yang berada dalam golongan fakir bertukar kepada golongan miskin (h. 86)

Tajuk kelapan ditulis dalam bahasa Inggeris oleh Hafiz Zakaria. Tajuk tulisannya, “Islam From Within: A Preliminary Evaluation of Malaysian Scholars Contributions to Scholarly Writings on Islamic Reform in Malaya” covering pages 96-106. Hafiz begins his writing with the subtitle “Marginality of Islam in Southeast Asia” and then he presents “Middle East Specialists Attempts at Incorporating Islam into Islamic Studies”. He furthermore presents an overview of literature on Islamic reform in Malaya before he presents Malaysian individual thinkers who have written on Islamic reform in Malaya. One of them is Ibrahim Abu Bakar through his work published by University of Malaya Press in 1994. Other Malaysian individual thinkers are Hamdan Hassan (1973) and Sarim Mustajab (1977). Based on the work of Ibrahim Abu Bakar cited by Hafiz, there is no doubt that he is the present book reviewer since his work on Islamic modernism in Malaya was published by University of Malaya Press in 1994.

Tajuk kesembilan ditulis oleh Hasnah Abd Khafidz dan Rosdi Yusof dan mereka berdua menulis tajuk, “Zakat Pasca Kemerdekaan Malaysia: Analisis Ke Atas Pentafsiran Asnaf Lapan Mengikut Nilai Semasa dan Setempat”, meliputi halaman 107-119. Tulisan ini menggunakan kaedah yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim dan al-Nadawi bahawa “hukum boleh berubah dengan perubahan zaman (masa) dan tempat” (h. 108). Berdasarkan kepada kaedah perubahan hukum disebabkan perbezaan masa dan tempat, maka dua penulis ini mengemukakan tafsiran kepada lapan asnaf atau lapan kumpulan manusia yang berhak menerima zakat. Kajian ini memberikan contoh kadar atau tahap yang digunakan untuk menentukan kumpulan miskin. Mengikut mazhab Hanafi, orang miskin adalah

orang yang memiliki harta sejumlah 200 dirham. Manakala mengikut mazhab Hanbali pula, orang miskin adalah orang yang memiliki harta sejumlah 50 dirham (h. 114). Jumlah kadar miskin mengikut dua mazhab berkenaan berbeza dan dalam konteks ekonomi dan keperluan kehidupan masyarakat miskin di Malaysia mungkin kedua-dua kadar miskin itu masih tidak sesuai lagi.

Tajuk kesepuluh ditulis oleh Indriaty Ismail mengenai ilmu kebatinan dalam kitab-kitab Melayu. Tajuknya, “Penulisan Ilmu Kebatinan dalam kitab-kitab Melayu Selepas Merdeka”, meliputi halaman 120-140. Di antara ilmu-ilmu kebatinan yang terdapat dalam kitab-kitab berbahasa Melayu-Jawi dan Melayu-Rumi adalah ilmu nombor atau numerologi, astrologi, divinasi (penilikan atau pengecaman berdasarkan tapak tangan atau *palmistry* dan berdasarkan sifat-sifat lain di badan manusia yang membawa kepada ramalan mengenai masa depan seseorang, ilmu asal usul kejadian manusia iaitu tanah, air, api dan angin, dan ilmu takbir mimpi.

Tajuk kesebelas ditulis oleh Kamarudin Salleh mengenai radikalisme dan terorisme yang dihubungkan dengan orang Islam. Tajuknya, “Radikalisme dan Terorisme: Ideologi Pasca Kemerdekaan Yang di‘paksa’kan Barat Terhadap Islam”, meliputi halaman 141-150. Kamarudin membentangkan pengertian radikalisme, terorisme dan ekstrimisme dari sudut bahasa Inggeris dan Arab dan kemudian dari sudut sarjana atau ilmuan seperti Yusuf al-Qardawī yang memberikan pengertian ekstrimis agama yang mempunyai banyak sifat negatif seperti taksub dengan pendapat tertentu, mewajibkan apa yang tidak diwajibkan oleh Allah, kasar dan keras dalam percakapan, hukuman dan tindakan, berprasangka buruk terhadap orang lain dan mengkafirkan orang lain (h. 142-143). Terdapat sarjana yang menghubungkan radikalisme dan terorisme dengan fundamentalisme tetapi fundamentalisme yang ditaja oleh fundamentalis tidak semestinya menaja radikalisme dan terorisme walaupun kedua-duanya kerap dihubungkan dengan fundamentalisme. Fundamentalis boleh dibahagikan kepada dua kumpulan mengikut pendekatan yang mereka terima dan guna. Oleh itu ada fundamentalis radikal dan moderat atau sederhana. Fundamentalis moderat ini menggunakan saluran yang dilegalisasikan atau diharuskan oleh undang-undang di sebebuah negeri atau negara seperti berparti politik dan bertanding dalam pilihan atau pengundian peringkat daerah dan nasional. Kamarudin mengemukakan Hasan Hanafi dan Dr. Mahathir Mohamad sebagai

dua fundamentalis Muslim yang tidak radikal, tidak teroris dan tidak ekstrimis.

Tajuk kedua belas, “Penghayatan Akidah Kalangan Remaja: Satu Kajian”, ditulis oleh Khairul Hamimah Mohammad Jodi, meliputi halaman 151-162. Penulis ini memberikan pengertian akidah secara ringkas dari sudut bahasa Arab iaitu ikatan atau simpulan yang membawa maksud perjanjian dan kepercayaan atau keimanan, dan “akidah dan keimanan itu merupakan dua istilah yang mempunyai konotasi yang sama, dan dengan itu kedua-duanya boleh ditukar gantikan penggunaannya” (h. 152). Kajian penghayatan akidah dalam kalangan remaja ini dijalankan dalam kalangan pelajar program diploma di ITTAR (Institut Teknologi Tun Abdul Razak), Kuala Lumpur dan sampel kajiannya hanyalah 311 pelajar yang terdiri daripada 174 (55.9%) pelajar perempuan dan 137 (44.1%) pelajar lelaki berusia di bawah 23 tahun (h. 153). Kajian ini merumuskan bahawa “akidah sebahagian pelajar Islam ITTAR belum benar-benar mantap dan keimanan mereka masih goyah dan jati diri Islam itu masih lagi seperti lalang ditiup angin” (h. 159).

Tajuk ketiga belas ada hubungan dengan hak asasi manusia. Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Nuri al-Amin Endut menulis tajuk, “Pemikiran Islam Tentang Hak Asasi Manusia: Isu dan Cabaran Pasca Kemerdekaan”, meliputi halaman 163-178. Kedua-dua penulis ini memberikan jawapan positif dan afirmatif kepada soalan, “Apakah Manusia Mempunyai Hak Asasi?” Manusia mempunyai hak-hak asasi mengikut Hak Asasi Manusia (HAM) 1789 di Perancis dan HAM Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) 1948 dan ajaran Islam yang wujud pada abad ketujuh Masihi. Terdapat perbezaan di antara HAM 1948 berbanding dengan HAM dalam Islam. Satu perbezaan yang jelas adalah Islam tidak membenarkan Muslim menukar agama Islamnya kepada agama lain sedangkan HAM 1948 membenarkan setiap manusia bertukar agama termasuk mereka yang beragama Islam bertukar kepada agama-agama lain.

Tajuk bab keempat belas ada hubungan dengan generasi manusia yang berilmu pengetahuan. Mohd Khairi Haji Hussin dan Zulkefli Haji Ainî menulis tajuk, “Generasi *Ulul al-Albab* dan Agenda Penjanaan Modal Insan Berkualiti”, meliputi halaman 179-183. Kedua-dua penulis ini memberikan pengertian istilah *ulu al-albab* dan aplikasi sifat-sifatnya dalam agenda pembinaan modal insan. Tiga sifat utama *ulu al-albab* adalah kesungguhan mencari ilmu pengetahuan, menyaring dan membezakan yang baik dan

buruk dengan menggunakan ukuran Syariah Allah, dan berfikir secara kreatif dan kritis.

Tajuk kelima belas mengemukakan Islamisasi dan Islam Hadhari. Mohd Nasir Omar menulis tajuk, “Islamisasi Pembangunan Ilmu Pengetahuan Berteraskan Prinsip Islam Hadhari”, meliputi halaman 184-192. Mohd Nasir mengemukakan realiti dan cabaran umat Islam yang memerlukan mereka menggunakan pendekatan Islamisasi ilmu pengetahuan. Punca kelemahan umat Islam adalah kewujudan dualisme dalam sistem pendidikan umat Islam dan kewujudan kontradiksi dalam metodologi yang digunakan oleh umat Islam. Umat Islam dikatakan akan dapat keluar daripada kemunduran dan kelemahan mereka jika mereka dapat menyatakan sistem pendidikan agama dan sekular, menanamkan visi Islam dan mengislamisasikan ilmu pengetahuan moden.

Tajuk keenam belas mengenai pendidikan akidah Islam dan masyarakat Melayu. Mohd Nizam Sahad dan Suhaila Abdullah menulis tajuk, “Pendidikan Akidah Pasca Kemerdekaan: Realiti Kefahaman Masyarakat Melayu Semasa”, meliputi halaman 193-205. Kedua-dua penulis ini mengemukakan tiga subtajuk iaitu “Sejarah Sistem Pendidikan Islam Pasca Kemerdekaan Malaysia (1957)” (h.193-198), “Pendidikan Akidah Semasa di Sekolah Rendah dan Menengah Kebangsaan” (h. 198-201), dan “Realiti Kefahaman Umum Masyarakat Melayu terhadap Akidah” (h. 201-203). Kedua-dua penulis ini menyatakan bahawa “sistem pendidikan akidah di peringkat sekolah rendah dan menengah kebangsaan sememangnya diberi penekanan yang sewajarnya oleh pihak berkuasa pasca kemerdekaan negara Malaysia. Namun pendidikan akidah tersebut tidak diberikan penekanan yang sewajarnya di peringkat IPTA” (h. 203).

Tajuk ketujuh belas, “Membangun Bersama Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan”, meliputi halaman 206-208, ditulis oleh Muda@Ismail Ab. Rahman. Penulis ini mengemukakan subtajuk “Pembinaan Islam di Malaysia dari Perspektif Sejarah” yang memaparkan sejarah Parti Perikatan dengan simbol kapal layar iaitu sebuah parti politik yang terdiri daripada UMNO (United Malays National Organization), MCA (Malayan Chinese Association) dan MIC (Malayan Indian Congress) sejak 1957, dan parti ini membentuk Barisan Nasional selepas tragedi 13 Mei 1969. Cabaran dan harapan yang dikemukakan meliputi mengadakan rancangan dan melaksanakan rancangan untuk mendaulatkan Islam di Malaysia

melalui politik, ekonomi, agama, kesihatan, pelajaran dan sosial untuk rakyat Malaysia selepas 50 tahun merdeka supaya bertambah aman, makmur dan bersatu padu. Berbanding dengan tajuk-tajuk lain dalam buku suntingan ini, tajuk inilah paling pendek, hanya tiga halaman sahaja sekalipun ia menyenaraikan enam buah karya dalam bibliografi. Kalau sekiranya enam karya itu dibaca dan dianalisis sudah tentu tulisan ini akan melebihi tiga halaman.

Tajuk kelapan belas ditulis oleh Nizaita Omar. Tajuknya, “Agenda Penghayatan al-Quran dalam Sistem Pendidikan di Malaysia: Era Pasca Kemerdekaan”, meliputi halaman 209-221. Nizaita menulis mengenai definisi Quran dari sudut bahasa dan istilah, maksud penghayatan Quran, keunggulan Quran untuk dihayati dan diamalkan, dan penghayatan Quran di Malaysia dalam era pasca kemerdekaan menerusi bidang pendidikan tidak formal dan formal. Pendidikan formal Quran terdapat di sekolah agama dan Arab di negeri-negeri di Malaysia, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, dan melalui subjek Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah dalam sistem pendidikan atau pelajaran kebangsaan di Malaysia. Di samping itu Quran juga dipelajari di Maahad Tahfiz yang ditubuhkan oleh pihak-pihak tertentu di Malaysia, dan pendidikan Islam dan Quran di Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) yang ditubuhkan oleh orang Islam perorangan dan persatuan/pertubuhan orang Islam di Malaysia. Di beberapa buah universiti awam di Malaysia ditawarkan juga program pengajian Islam dan Quran.

Tajuk kesembilan belas mengenai makanan halal di Malaysia. Noriah Ramli menulis tajuk, “Islam Pasca Kemerdekaan: Muslim dan Dilema Makanan Halal”, meliputi halaman 222-229. Noriah mengemukakan peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam menyediakan garis panduan makanan halal dan mengeluarkan sijil halal kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan dan mengedarkan makanan di Malaysia. Sebagai contoh, pada tahun 2002, JAKIM telah mengeluarkan sejumlah 3,947 Sijil Halal (h. 223) dan pada 7 Mac 2006, semua Kerajaan Negeri bersetuju menggunakan logo halal yang dikeluarkan oleh JAKIM bagi tujuan keseragaman (h. 224). Di samping peranan JAKIM dalam mengeluarkan garis panduan makanan halal, sijil halal dan logo halal, Noriah juga menulis mengenai delima makanan halal di Malaysia disebabkan ada syarikat-syarikat yang mendapat sijil

dan logo halal tetapi tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam pensijilan berkenaan, kepelbagaiannya sijil halal seperti sijil halal JAKIM, sijil halal bukan JAKIM dan sijil halal syarikat swasta, dan kekurangan penguatkuasaan untuk memastikan pematuhan sijil halal oleh syarikat-syarikat yang mendapatkan sijil-sijil halal berkenaan.

Tajuk kedua puluh mengenai peranan dan sumbangan Rais Yatim dalam mengisi kemerdekaan di Malaysia. Saifullah M. Sawi menulis, “Datok Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tokoh Yang Berjasa dalam Mengisi Kemerdekaan Malaysia”, meliputi halaman 230-244. Saifullah melaporkan bahawa Rais adalah anak kampung dan anak Minang dan keluarganya bermigrasi dari Minangkabau ke Negeri Sembilan dan Rais berperanan sebagai seniman, ahli politik dalam parti pemerintah UMNO (United Malays National Organization) dan dalam parti pembangkang Semangat 46 dan kemudian dalam parti pemerintah UMNO. Semasa dalam parti UMNO, Rais diberikan berbagai jawatan termasuk jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tajuk kedua puluh satu mengenai logosentrisme dan cabarannya di Malaysia. Wan Fariza Alyati Wan Zakaria menulis, “Logosentrisme dan Cabarannya dalam Konteks Islam di Malaysia Era Pasca Kemerdekaan”, meliputi halaman 245-251. *Logos* dalam bahasa Greek bererti ucapan, pemikiran, undang-undang atau akal. Logosentrisme dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggerisnya *logocentrism*. Ferdinand de Saussure dan Claude Levi-Strass adalah dua tokoh falsafah dan tokoh bahasa yang mempelopori logosentrisme yang beranggapan bahawa ucapan adalah elemen utama dalam sesuatu bahasa, bukannya tulisan dalam bahasa berkenaan (h.245). Cabaran logosentrisme kepada ahli fikir Muslim di dunia amnya dan di Malaysia khasnya adalah meta naratif logosentrisme “berlandaskan pandangan dunia sekular justeru perlu ditangani dengan meta naratif Islam yang berlandaskan pandangan dunia Islam.” (h. 249).

Tajuk kedua puluh dua mengenai gaya hidup warga tua yang bertajuk, “Gaya Hidup Warga Tua dalam Era Kemerdekaan dan Keperluan Kaunseling Kelompok”, meliputi halaman 252-265, dan ditulis oleh Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad dan Zuria Mahmud. Warga tua dalam tulisan ini adalah mereka yang berusia atau “berumur 60 tahun ke atas” (h. 253). Tulisan ini mengenai senario warga tua di Malaysia dan rumah orang tua yang terdapat di Malaysia seperti di Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan,

Melaka, Kelantan, Johor dan Perlis, gaya hidup warga tua daripada perspektif Islam, gaya hidup warga tua dalam era kemerdekaan, dan kaunseling kelompok untuk warga tua yang terdiri daripada lima peringkat iaitu peringkat pembentukan, peringkat permulaan, peringkat transisi, peringkat bekerja, dan peringkat penamatan.

Tajuk kedua puluh tiga adalah tajuk terakhir dalam buku suntingan ini. Zulkifly Muda menulis, "Pasca Kemerdekaan: Elemen-elemen Hadarah Islamiyah dalam Pemerintahan Tun Abdul Razak", meliputi halaman 266-279. Zulkifly membentangkan sumbangan dan jasa Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua selepas Tuanku Abdul Rahman. Tempoh Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia adalah 1970 hingga 1976. Dalam tempoh yang singkat itu, beliau meningkatkan kekuatan ekonomi dan politik Malaysia, meningkatkan daya ilmu dan keintelektualan penduduk Malaysia, perpaduan dan pertahanan Malaysia.

Senarai penulis seramai 34 orang kesemuanya dan alamat institusi mereka disenaraikan di halaman 280-281 dalam buku ini.

Dengan melihat dan membaca kesemua 23 tajuk yang dipaparkan dalam buku ini, maka buku ini memaparkan bidang atau skop yang berbagai dan dapat dikatakan sebagai sumber pengetahuan dan maklumat kepada mereka yang memilih untuk membaca buku ini. Para penulis yang berjumlah 34 orang dalam buku ini juga mempunyai minat atau bidang kajian yang berbagai dan pengalaman dan minat mereka yang berbagai itu dikumpulkan dalam buku suntingan ini. Para penulis juga datang daripada beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Walau bagaimanapun dalam menyunting buku ini jelas kelihatan bahawa para penyuntingnya tidak memberikan perhatian penting kepada keseragaman dalam sistem ejaan baku bahasa Melayu-Rumi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, dan ketiadaan keseragaman dalam menentukan halaman minimum dan maksimum untuk sesuatu tajuk yang mereka sunting. Tidak dinyatakan halaman minimum dan maksimum untuk setiap tajuk tulisan yang dimuatkan dalam buku ini. Para penyunting nampaknya menerima sahaja apa yang ditulis oleh para penulis sekalipun tiga halaman. Di samping itu terdapat teknik tulisan yang berbeza digunakan. Contohnya, ada tajuk-tajuk yang tidak disertakan dengan rujukan atau bibliografi walaupun banyak tajuk yang disertakan dengan rujukan atau bibliografi di samping nota hujung. Para

penyunting juga tidak menyediakan indeks kepada buku suntingan mereka bertiga.

Walaupun di halaman judul ditulis Jabatan Usuluddin dan Falsafah (JUF), Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai penerbit tetapi terdapat pernyataan di halaman selepas halaman judul bahawa buku ini diterbitkan bersama oleh JUF, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM) dan Kolej Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Di sini menampak bahawa tiga institusi pengajian tinggi bekerjasama dalam menerbitkan buku ini sekalipun kesemua tiga penyunting adalah kakitangan akademik di JUF. Manakala kos percetakannya pula dibiayai oleh KUIS.

Dalam halaman Pendahuluan (h.vii-ix) ada dinyatakan bahawa buku ini menghimpunkan kertas-kertas kerja yang dikirimkan oleh para penulis dan pembentang dalam Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan III yang berlangsung pada 6-7hb. Ogos 2007.

Ibrahim Abu Bakar, Ph.D.
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mail: abi@ukm.my